

MOOC : Suatu Inovasi P&P

*Duratul Ain Yahya
Bahagian Sokongan Penyelidikan & Pendidikan
Pusat Teknologi Maklumat
Canselori
dura@ptm.ukm.my*


Pengenalan

Kepesatan teknologi maklumat dalam bidang pendidikan telah mencipta suatu evolusi baru dalam proses pengajaran dan pendidikan (P&P), di antaranya ialah *Massive Open Online Courses* atau lebih dikenali sebagai MOOC. Ia merupakan suatu tambahan kepada gaya penyampaian P&P sedia ada iaitu pengajian di atas talian dan pendidikan berjarak jauh.

Perkembangan MOOC bermula daripada inisiatif sumber pendidikan terbuka (*open educational resources*). Istilah MOOC mula-mula sekali diperkenalkan pada tahun 2008 oleh Dave Cormier dari *University of Prince Edward Island* dan Bryan Alexander dari *National Institute for Technology in Liberal Education*. Ini adalah susulan kepada kursus *Connectivism and Connective Knowledge* yang dipelopori oleh George Siemens dari *Athabasca University* dan Stephen Downes dari *National Research Council*. (Chris 2013).

Kursus ini ialah mengenai perkembangan aplikasi aktiviti rangkaian dan teori *Connectivism* yang diperkenalkan oleh George Siemens sebagai salah satu teori pembelajaran baru dalam era digital hari ini. Keunikan kursus ini telah menemukan kepelbagaian kaedah penyampaian dan penerimaan material P&P di kalangan pengguna yang ramai. Mereka berkongsi pengetahuan dan berkomunikasi antara satu sama lain dalam suatu rangkaian pengetahuan yang unik (Mackness, Mak dan Williams, 2010).

Kursus ini dijalankan di *University of Manitoba* mempunyai seramai 25 orang pelajar yang berbayar dan selebihnya seramai 2200 orang pelajar di kalangan orang awam dari seluruh dunia yang mengikutinya secara percuma. Bahan-bahan kursus boleh didapati melalui suapan RSS. Para pelajar berinteraksi melalui aplikasi kolaborasi di atas talian, termasuklah perbincangan di dalam platform Moodle dan Second Life, serta entri dari blog (Cormier, 2008). Rajah 1 di bawah menunjukkan diagram kursus *Connectivism and Connective Knowledge*.




Rajah 1: Diagram kursus *Connectivism and Connective Knowledge*


Menurut Cormier (2010), ciri-ciri asas MOOC ialah capaian kepada kursus-kursus yang ditawarkan adalah terbuka dan percuma, melibatkan penyertaan secara sukarela dari pihak pelajar. Penyedia bahan kursus membangunkan bahan P&P dan diedarkan dengan meluas. Hasil tugas peserta dikongsi bersama peserta-peserta lain. MOOC menyokong pendidikan sepanjang hayat. Pada kursus yang mengenakan bayaran, ia adalah sebagai yuran untuk mendapatkan sijil kelulusan kursus yang diikuti.

Pappano (2012) telah menamakan tahun 2012 sebagai Tahun Untuk MOOC kerana material P&P yang boleh didapati secara percuma di dalamnya telah membuka suatu pintu kepada kelompok universiti-universiti elit untuk menerima lebih ramai bakal pelajar. Menurut Catherine (2013), MOOC semakin popular pada awal tahun 2012,

apabila Daphne Koller dan Andrew Ng, mantan ahli akademik dari Stanford University melancarkan platform pembelajaran mereka di atas talian yang dikenali sebagai Coursera.

Capaian ke internet yang semakin pantas dan mudah, telah membuka suatu peluang baru kepada para pengguna yang bermotivasi tinggi untuk meneruskan pengajian ke suatu tahap yang mereka impikan. Terdapat banyak platform MOOC yang menawarkan berbagai-bagai kursus dari universiti terkemuka dunia secara percuma. edX ialah salah satu daripada platform yang dimaksudkan ini. Ia adalah kolaborasi antara Harvard University dengan Massachusetts Institute of Technology (MIT) yang berpangkalan di Amerika Syarikat. Selain daripada itu, Udacity, futurelearn.com, Open Yale Courses, Carnegie Mellon Free Courses, UCLA Extension, Harvard Extension School dan UC Berkeley Free Courses (sekadar menamakan beberapa platform sahaja) turut sama menawarkan kursus-kursus yang dijalankan melalui MOOC. Rajah 2 menunjukkan antaramuka portal MOOC yang ternama.





Rajah 2: Beberapa buah portal MOOC yang ternama, iaitu (mengikut arah pusingan jam) Coursera, UDACITY, Future Learn dan edX.

Kelebihan dan Kekurangan MOOC

MOOC juga tidak lari dari isu-isu yang berkaitan dengan kelebihan dan kekurangan yang tersendiri dan unik. Ada portal MOOC yang menawarkan kursus atau program P&P secara percuma, tetapi ada juga yang memerlukan pengguna untuk mendaftar dan membayar yuran mengikuti kursus.

Konsep penyampaian P&P secara konvensional yang memerlukan pelajar secara fizikalnya berada di dalam dewan kuliah untuk mengikuti sesi P&P tidak lagi diperlukan, sebaliknya memadai dengan adanya capaian internet yang bagus untuk mengikuti kuliah. Secara tidak langsung, dapat menjimatkan masa dan kos untuk berada di dewan. Pelajar boleh mengikuti kursus dari jarak jauh dan di mana sahaja berada.

Bagi pensyarah pula, mereka boleh menyediakan bahan P&P lebih awal sebelum suatu kursus dimulakan. Ini memerlukan sedikit kemahiran di kalangan mereka untuk merangka kandungan kursus yang akan disampaikan kepada pelajar. Selain daripada itu, kemahiran dan kepakaran dari beberapa pihak yang terlibat dengan teknologi pendidikan diperlukan untuk menjayakan pembangunan produk MOOC. Secara tidak langsung menggalakkan para ahli akademik menjadi lebih kreatif dan inovatif dalam melaksanakan P&P.

Menurut BPDA Detroit Chapter (n.d), bagi pelajar yang mengikuti kursus dari portal MOOC yang percuma dikhuatiri mempunyai isu berkaitan dengan tahap motivasi yang rendah. Ini adalah kerana, ia adalah suatu program berbentuk sukarela, dan pelajar tidak akan dikenakan penalti sekiranya gagal menamatkan kursus dalam tempoh masa yang telah ditetapkan.

Berdasarkan laporan yang dibentangkan oleh edX (2012) seperti yang dipetik oleh O'Connor (2014) menunjukkan bahawa sebilangan besar peserta kursus atas talian yang percuma lebih cenderung untuk meninjau sahaja bahan-bahan P&P yang dimuatkan dalam portal berbanding dengan melengkapkan suatu kursus sehingga memperolehi sijil perakuan tamat kursus.

Pengguna MOOC

Menurut laporan yang dikeluarkan oleh BPDA Detroit Chapter (n.d), hasil dapatan kajian penggunaan MOOC ini telah mengkategorikan pengguna MOOC kepada tiga (3) kumpulan iaitu:

1. Pengguna yang hanya membaca nota dari teks yang disediakan dan menonton video P&P
2. Pengguna yang memfokus kepada kemahiran dan pengetahuan mereka dengan mengikuti penilaian yang disediakan.
3. Pengguna yang bertujuan untuk membuat perbandingan antara kursus-kursus yang disediakan di samping mencari maklumat tertentu dalam bahan P&P.

Laporan ini juga menyatakan bahawa semakin lama seseorang pengguna itu meluangkan masa mengikuti kursus MOOC, dia akan lebih tertarik untuk meneruskan capaian kepada material P&P yang lain.

Kesimpulan

Berbagai impak telah berlaku dengan kewujudan aplikasi MOOC. Konsep belajar merentasi sempadan, tiada penetapan had umur dan kos yang membebankan boleh dikurangkan. MOOC berpotensi untuk mengubah gaya pembelajaran konvensional dan tradisional kepada suatu gaya pembelajaran moden dan berteknologi tinggi.

Kemahiran literasi komputer juga penting untuk memastikan pengguna-pengguna MOOC khususnya memahami kandungan kursus atau program yang diikuti seterusnya mampu mencapai objektif pembelajaran dan dapat diaplikasikan.

Dari aspek memenuhi keperluan proses pembelajaran sepanjang zaman, MOOC mampu membekalkan kandungan yang boleh didapati secara percuma dalam platform yang berbagai. Pengetahuan yang bakal diperolehi amat berguna dan membantu dalam kehidupan harian.

Rujukan

- [1] BPDA Detroit Chapter (n.d.). *MOOCs: Top 10 Sites for Free Education With Elite Universities*. Retrieved February 12, 2014, from <http://www.bdpa-detroit.org/portal/index.php/committees/high-school-computer-competition-hscc/29-education/57-moocs-top-10-sites-for-free-education-with-elite-universities.html>
- [2] Catherine, R. (2013). *The Best MOOC Provider: A Review of Coursera, Udacity and Edx - SkilledUp.com*. Retrieved February 12, 2014, from <http://www.skilledup.com/blog/the-best-mooc-provider-a-review-of-coursera-udacity-and-edx/>
- [3] Chris, P. (2013, October 17). *Mooc creators criticise courses' lack of creativity* | News | Times Higher Education. Retrieved February 12, 2014, from <http://www.timeshighereducation.co.uk/news/mooc-creators-criticise-courses-lack-of-creativity/2008180.article>
- [4] Connectivism and Connective Knowledge (CCK08) course network.png. (n.d.). Retrieved from http://upload.wikimedia.org/wikipedia/commons/2/29/Connectivism_and_Connective_Knowledge_%28CCK08%29_course_network.png
- [5] Cormier, D. (2010, December 8). What is a MOOC? [Video file]. Retrieved from <http://www.youtube.com/watch?v=eW3gMGqcZQc>
- [6] Cormire, D. (2008, October 2). *The CCK08 MOOC – Connectivism course, 1/4 way* | Dave's Educational Blog. Retrieved February 12, 2014, from <http://davecormier.com/edblog/2008/10/02/the-cck08-mooc-connectivism-course-14-way/>
- [7] Mackness, J., Mak, S., & Williams, R. (2010). The ideals and reality of participating in a MOOC. In *Networked Learning Conference* (pp. 266-275). University of Lancaster.
- [8] O'Connor, F. (2014, January 23). *Edx Enrollment Data Shows Online Learners Are More Browsers Than Finishers*. Retrieved January 30, 2014, from <http://www.cio.com/article/print/746978>
- [9] Pappano, L. (2012). The Year of the MOOC. *The New York Times*, 2(12), 2012.